

## **GARIS PANDUAN MENGENAI MENTOR CIVIL SERVICE LEADERSHIP PIPELINE (CSLP)**

1. Bila dan untuk siapa Mentor perlu dilantik:
  - a. Lepasan Program Eksekutif Muda (*Young Executive Programme – YEP*). Proses *mentoring* bermula setelah peserta tamat dan lulus program. Walau bagaimanapun, lantikan mentor boleh dibuat sebelum program berakhir.
  - b. Pegawai-pegawai dalam *Leadership Pool* ES2.2 – Proses *mentoring* bermula setelah pencalonan pegawai bagi kemasukan dalam *Leadership Pool CSLP* disahkan oleh pihak Jabatan Perkhidmatan Awam. Sehubungan itu, lantikan mentor dibuat setelah mendapat pengesahan kemasukan.
  - c. Lepasan Program Pembangunan Eksekutif Bagi Pegawai-Pegawai Pengurusan Pertengahan (*Executive Development Programme For Middle Management Officers – EDPMMO*) bagi pengambilan ke 25 dan seterusnya yang masih dalam tangga gaji B2EB3 dan B3. Proses *mentoring* bermula setelah peserta tamat dan lulus program. Walau bagaimanapun, lantikan mentor boleh dibuat sebelum program berakhir.
2. Kriteria pelantikan Mentor:
  - a. Pegawai dalam Bahagian I (bukan memangku).
  - b. Baki tempoh perkhidmatan tidak kurang daripada dua (2) tahun untuk mengadakan sekurang-kurangnya enam (6) sesi perjumpaan dan perbincangan bersama *mentee*.
  - c. Mempunyai ciri-ciri kepimpinan serta kemahiran yang boleh dijadikan *role model* bagi *mentee*.
  - d. Seboleh-bolehnya bukan daripada Jabatan/Bahagian/Unit yang sama dengan *mentee*.

Nota:

- Ini antara lain bertujuan untuk mempelbagaikan set kemahiran dan memperluas perspektif pembelajaran *mentee*.
- Permohonan untuk melantik mentor daripada kementerian lain boleh dipertimbangkan jika difikirkan bersesuaian dan jika dipersetujui oleh kedua-dua belah pihak dan masing-masing tidak mempunyai sebarang kesukaran di sepanjang proses *mentoring* dilaksanakan.

**3. Tanggungjawab Mentor:**

- a. Memberi sokongan dan bimbingan kepada mentee ke arah pembaikan diri dan prestasi kerja mengikut keperluan dan jurang kompetensi *mentee*.
- b. Menghadapkan Laporan Penilaian Mentor kepada Bahagian / Unit Sumber Manusia kementerian masing-masing dan ketua jabatan *mentee* untuk makluman dan panduan keperluan latihan *mentee*.
- c. Mengongsi Laporan Penilaian Mentor untuk makluman pihak JPA melalui Bahagian / Unit Sumber Manusia kementerian masing-masing.

**4. Tanggungjawab *Mentee***

- a. Menyediakan *self-assessment* iaitu mengenal pasti jurang kompetensi diri (kemahiran dan pengetahuan) dan matlamat yang ingin dicapai sebagai persediaan sebelum mengadakan perjumpaan dengan mentor.
- b. Mengongsi *self-assessment* bersama mentor untuk dibincangkan dalam sesi *mentoring*.
- c. Mendapatkan dan mengaturkan tarikh-tarikh perjumpaan yang dipersetujui oleh mentor untuk mengadakan sekurang-kurangnya enam (6) sesi perjumpaan dan perbincangan bersama mentor.
- d. Berfikiran terbuka untuk menerima bimbingan daripada mentor.

**5. Makluman/Peringatan:**

- a. Tidak ada halangan jika Menteri atau Timbalan Menteri di kementerian masing-masing ingin menjadi mentor kepada pegawai-pegawai yang berkenaan.
- b. Jika *mentee* dinilai masih memerlukan bimbingan lanjut di akhir sesi *mentoring* yang keenam, adalah menjadi tanggungjawab dalaman pihak kementerian / jabatan masing-masing untuk mengambil langkah-langkah seterusnya seperti meneruskan sesi *mentoring* bersama mentor yang sama atau baru, penghantaran untuk menghadiri kursus-kursus yang bersesuaian dan sebagainya.
- c. Jika mentor yang dilantik berpindah ke kementerian lain, *mentee* masih boleh meneruskan sesi *mentoring* bersama mentor tersebut tertakluk kepada persetujuan kedua-dua belah pihak. Jika

mentor/*mentee* bersetuju untuk tidak meneruskan sesi *mentoring*, maka lantikan mentor baru hendaklah dibuat oleh pihak Setiausaha Tetap kementerian masing-masing.

- d. Jika tidak ada keserasian di antara mentor dan *mentee*, *mentee* boleh memohon untuk pelantikan mentor baru melalui Bahagian / Unit Sumber Manusia kementerian / jabatan masing-masing dan memaklumkannya kepada Unit Perkhidmatan Sumber Manusia, Jabatan Perkhidmatan Awam bagi tujuan pengemaskinian maklumat mentor.